

24/02/2000

Pahang hantar laporan tanah runtuh

KUANTAN, Rabu - Laporan kejadian tanah runtuh dan draf pelan induk pembangunan Cameron Highlands yang sudah disiapkan Kerajaan Pahang, akan dihantar kepada Menteri Kewangan, Tun Daim Zainuddin, esok.

Salinan laporan itu juga akan dihantar kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Timbalannya, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi untuk diteliti.

Kandungan laporan itu antara lain merangkumi kawalan ketat terhadap kegiatan memotong dan merata bukit, larangan pembinaan bangunan tinggi, langkah mengatasi masalah berkaitan dan peruntukan kewangan diperlukan bagi kerja pembaikan dan pencegahan untuk pertimbangan Perbendaharaan.

Menteri Besar, Datuk Seri Adnan Yaakob berkata, laporan itu susulan arahan Daim yang meminta kerajaan negeri menyediakan laporan lengkap berkaitan kejadian tanah runtuh di Cameron Highlands pada 6 Januari lalu, yang turut mengorbankan lima nyawa.

Sehubungan itu, katanya, satu jawatankuasa teknikal dipengerusikan Setiausaha Kerajaan Pahang, Datuk Zainal Abidin Mat Said dibentuk untuk menyiapkan laporan berkenaan.

Beliau berkata, laporan itu dibentangkan di dalam Majlis Mesyuarat Kerajaan (MMK) negeri hari ini dan Kerajaan Pahang bersetuju dengan cadangan yang dikemukakan.

Katanya, beberapa program yang dicadangkan di Cameron Highlands bertujuan mengelak kejadian sama, memerlukan peruntukan besar termasuk kira-kira RM17.8 juta bagi program jangka pendek.

(END)